

14/02/2001

Azalina akur keputusan MT

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Azalina Othman, akur dengan keputusan pucuk pimpinan parti menetapkan had umur 35 tahun bagi keahlian Puteri Umno turut merangkumi ketuanya.

Azalina berkata, beliau menyokong apa juga keputusan yang dirasakan baik dan bijak untuk kepentingan parti.

"Memang saya terkejut dengan keputusan itu tetapi tugas saya adalah untuk parti. Jika ini dirasakan sesuatu yang bijak, saya akan menyokongnya," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, bahawa had umur 35 tahun adalah untuk sesiapa saja yang terbabit dengan Puteri Umno.

Selepas mesyuarat MT Sabtu lalu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, MT menetapkan had umur keahlian Puteri Umno pada 35 tahun.

Sebelum ini, Azalina mencadangkan agar had umur keahlian Puteri Umno ialah di bawah 40 tahun, tetapi Pergerakan Wanita mencadangkan di bawah 30 tahun.

(END)